



## **GARISPANDUAN TATACARA PELAKSANAAN KEMUDAHAN WAD KELAS PERTAMA DAN PENGEJECUALIAN BIL PERUBATAN PENDERMA ORGAN DAN SEL STEM WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA**

### **TUJUAN**

1. Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi menggariskan tatacara pelaksanaan kemudahan wad kelas pertama dan pengecualian bil perubatan penderma organ dan sel stem warganegara dan bukan warganegara

### **LATAR BELAKANG**

2. Mendermakan organ atau tisu seseorang yang telah meninggal dunia bukanlah suatu keputusan yang mudah dilakukan oleh ahli keluarga si mati. Selain itu, mendermakan organ semasa masih hidup juga memerlukan pertimbangan yang teliti kerana prosedur pembedahan yang bakal dilakukan melibatkan risiko tertentu ke atas individu tersebut.
3. Oleh itu, pihak Kementerian berpendapat adalah wajar agar kemudahan atau bantuan tertentu disediakan kepada individu yang telah mendermakan organ atau tisu. Ini bertujuan meringankan beban ahli keluarga serta menghargai pengorbanan individu tersebut bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan. Pihak

Kementerian juga berpendapat kemudahan atau bantuan yang diberikan hendaklah munasabah yang tidak melibatkan pertukaran wang ringgit dan tidak seharusnya dianggap sebagai suatu bentuk pemedagangan organ atau tisu manusia.

4. Buat masa ini, kemudahan yang diberikan bagi mengurangkan beban penderma organ adalah pemberian kemudahan cuti tanpa rekod selama tidak lebih dari 42 hari. Walau bagaimanapun, kemudahan ini terpakai hanya untuk anggota perkhidmatan awam sahaja (sila rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010, ruj. JPA (BGE) 223/5/4-3(50), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bertarikh 2 Februari 2010 dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 6 Tahun 2010: Pelaksanaan Pemberian Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menderma Organ Semasa Hidup, ruj. KKM87/P1/29/1 Jld.2 (15), bertarikh 24 Februari 2010).

## **DASAR**

5. Sebagaimana surat Kementerian ini ruj: (95)dlm.KKM-203/18Jld.4 bertarikh 29 Disember 2003, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 16(13) Perintah Fi (Perubatan) 1982 telah bersetuju untuk memberi kemudahan wad kelas pertama secara percuma kepada orang perseorangan warganegara Malaysia yang masih hidup yang telah mendermakan organ sebahagian daripada organnya kepada pesakit lain yang memerlukan organ berkenaan dan juga telah mengecualikan pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di hospital KKM dan telah mendermakan organnya dari membayar bil hospital di wad yang mereka duduki. Kelulusan tersebut berkuatkuasa pada 29 Disember 2003.
6. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mencadangkan agar Dasar tersebut dikaji semula dan merujuk kepada surat dari Bahagian

Kewangan ruj. (64) dlm.KKM-58/900/69 JLD.7 bertarikh 21 November 2012, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah bersetuju agar Dasar sebagaimana yang disebut di dalam perkara 5 di atas dipanjangkan kepada :

- 6.1. Bukan warganegara penderma organ yang telah mendermakan organnya secara percuma kepada seseorang warganegara di hospital KKM;
  - 6.2. Warganegara dan bukan warganegara penderma sel stem iaitu penderma sum-sum tulang atau darah untuk tujuan transplan sel stem kepada penerima warganegara; dan
  - 6.3. Warganegara dan bukan warganegara penderma kadaverik iaitu penderma yang telah meninggal dunia sama ada yang telah menderma organnya olehnya sebelum itu atau oleh waris selepas kematiannya secara percuma kepada seseorang penerima warganegara.
7. Ketua Setiausaha Perbendaharaan juga bersetuju agar pengecualiaan untuk penderma-penderma di atas adalah merangkumi semua caj yang sepatutnya dikenakan di bawah perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2003 yang berkaitan dengan prosedur penyiasatan, prosedur pembedahan dan pemindahan serta rawatan susulannya selepas itu sama ada sebagai pesakit luar atau pesakit dalam mengikut kelas wad yang didudukinya.
  8. Proses pendermaan dan pemindahan organ/ tisu / sel stem darah adalah tertakluk kepada dasar dan garispanduan sedia ada termasuklah Polisi Transplantasi Organ, Tisu dan Sel Kebangsaan (ruj. MOH/P/PAK/131.07(BP) bertarikh Jun 2007) dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garispanduan Pendermaan Organ Dari Penderma Hidup Tiada Kaitan Kekeluargaan (ruj. KKM87/P1/29/1 Jld.6 (15) bertarikh 4 Januari 2012).

## **TAKRIFAN**

9. Penderma hidup bermaksud :

- 9.1. Orang yang masih hidup yang telah menderma organnya atau sel stem darah (sama ada melalui pendermaan sum-sum tulang atau darah) untuk tujuan pemindahan kepada pesakit. Penderma sel stem darah hanya terhad kepada penderma yang telah dikenalpasti oleh pihak hospital ataupun Daftar Sel Stem Malaysia (*Malaysian Stem Cell Registry* atau MSCR) sebagai penderma yang sesuai menderma kepada pesakit yang mengalami penyakit berkaitan darah (*haematological diseases*). Pendermaan darah tali pusat oleh ibubapa/ bayi yang baru lahir tidak termasuk di dalam takrifan penderma hidup ini;
- 9.2. Orang yang masih hidup yang telah dikenalpasti sebagai orang yang sesuai yang bakal menderma organnya atau sel stem darah (sama ada melalui pendermaan sum-sum tulang atau darah) untuk tujuan pemindahan kepada pesakit ("bakal penderma").

10. Penderma kadaverik bermaksud orang yang telah meninggal dunia yang telah mendermakan organ atau tisunya.

## **KEMUDAHAN**

11. Kemudahan yang diberikan adalah berbeza untuk penderma hidup dan penderma kadaverik.

12. Kemudahan untuk penderma hidup merangkumi :

- 12.1. Kemudahan wad kelas pertama sama ada bilik seorang, bilik berdua, bilik bertiga atau lebih bergantung kepada ketersediaan katil tersebut;
- 12.2. Pengecualian bayaran bil hospital di wad yang mereka duduki;

- 12.3. Pengecualian semua caj yang sepatutnya dikenakan di bawah perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2003 yang berkaitan dengan prosedur penyiasatan, prosedur pembedahan dan pemindahan serta rawatan susulannya selepas itu sama ada sebagai pesakit luar atau pesakit dalam mengikut kelas wad yang didudukinya.
13. Kemudahan untuk penderma hidup terpakai untuk seumur hidup.
14. Kemudahan untuk penderma hidup diberikan untuk sebarang jenis rawatan sama ada ianya berkaitan atau tidak berkaitan dengan prosedur pembedahan atau pemindahan.
15. Sebelum prosedur pembedahan dan pemindahan dilakukan, penderma hidup hanya layak untuk diberi pengecualian untuk semua caj yang berkaitan dengan prosedur penyiasatan sahaja dan bukan untuk lain-lain kemudahan sebagaimana yang telah diperincikan di dalam perkara 12 di atas.
16. Kemudahan untuk penderma kadaverik hanya merangkumi pengecualian bayaran bil hospital di wad yang mereka duduki. Oleh itu, waris kepada penderma kadaverik tidak perlu membayar sebarang bil hospital yang berkaitan dengan rawatan penderma kadaverik tersebut.

## **SYARAT-SYARAT**

17. Syarat-syarat kelayakan penderma hidup / kadaverik untuk diberi kemudahan tersebut adalah:
  - 17.1. Penderma sama ada warganegara atau bukan warganegara menderma kepada penerima warganegara Malaysia;
  - 17.2. Pendermaan dilakukan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan;

- 17.3. Pendermaan dilakukan pada tarikh sebagaimana yang diperincikan di dalam Jadual 1 di bawah;
- 17.4. Pendermaan tersebut telah mendapat pengesahan dari pegawai perubatan Kerajaan yang berkenaan.

<b>Jenis Pendermaan</b>	<b>Warganegara</b>	<b>Bukan warganegara</b>
Penderma hidup (organ)	<b>Pada/ selepas 29 Disember 2003</b>	Pada/ selepas 21 November 2012
Penderma hidup (sel stem darah)	Pada/ selepas 21 November 2012	Pada/ selepas 21 November 2012
Penderma kadaverik (organ / tisu)	Pada/ selepas 21 November 2012	Pada/ selepas 21 November 2012

**Jadual 1 : Tarikh Pendermaan dilakukan bagi Melayakkan Penderma Menerima Kemudahan**

## **PROSES PENGESAHAN UNTUK PENDERMA HIDUP**

18. **Sebelum** prosedur pembedahan dan pemindahan dilakukan, pegawai perubatan pakar yang menjalankan prosedur penyiasatan ke atas penderma perlu mengesahkan dengan mengisi Borang A iaitu Surat Pengesahan Prosedur Penyiasatan Dan Penilaian Bakal Penderma Hidup Organ / Sel Stem (dilampirkan) dalam 2 salinan. Satu salinan Borang A perlu dikemukakan kepada Unit Hasil hospital untuk proses mengebil. Satu salinan Borang A diberikan kepada penderma hidup untuk simpanan. Sebagaimana yang dinyatakan di perkara 15 di atas, pada peringkat ini, penderma hanya layak untuk diberi pengecualian untuk semua caj yang berkaitan dengan prosedur penyiasatan sahaja dan bukan untuk lain-lain kemudahan.
19. **Setelah** prosedur pembedahan dan pemindahan dilakukan, pegawai perubatan pakar yang bertanggungjawab terhadap penderma perlu mengesahkan dengan mengisi Borang B iaitu Pengesahan Penderma

Hidup Organ / Sel Stem Darah (dilampirkan) dalam 3 salinan. Satu salinan Borang B perlu dikemukakan kepada Unit Hasil hospital untuk proses mengebil. Satu salinan Borang B perlu dikemukakan kepada Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN) sebagai pengesahan bahawa penderma layak untuk diberikan Kad Pengesahan Penderma Hidup Organ / Stem Sel. Satu salinan perlu diberikan kepada penderma sebagai simpanan.

20. Setelah salinan Borang B diterima oleh Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN), Kad Pengesahan Penderma Hidup Organ / Stem Sel Darah (contoh kad dilampirkan) hendaklah dikeluarkan oleh pihak PSTN dalam tempoh masa terdekat. Kad pengesahan akan dikemukakan terus kepada penderma melalui kiriman pos. Kad ini dikeluarkan sebagai pengesahan bahawa penderma layak untuk diberikan kemudahan di mana-mana hospital di bawah Kementerian Kesihatan. Sekiranya penderma memerlukan sebarang bentuk rawatan sama ada sebagai pesakit luar atau pesakit dalam sebelum Kad tersebut dikeluarkan, Borang B boleh digunakan sebagai pengesahan sementara.

## **PROSES PENGESAHAN UNTUK PENDERMA KADAVERIK**

21. **Setelah** prosedur pembedahan dan pemindahan dilakukan, pegawai perubatan yang bertanggungjawab terhadap penderma perlu mengeluarkan pengesahan dengan mengisi borang seperti Borang C: Surat Pengesahan Penderma Kadaverik (dilampirkan) dalam 2 salinan. Satu salinan Borang C perlu dikemukakan kepada Unit Hasil hospital untuk proses mengebil. Satu salinan Borang C perlu diberikan kepada waris penderma sebagai simpanan.

## **PERANAN PIHAK-PIHAK YANG BERKAITAN**

22. Peranan Jabatan Kesihatan Negeril;

22.1. Memastikan semua Pengarah Hospital dan Ketua-ketua Jabatan (klinikal) yang berkaitan mengambil maklum mengenai tatacara pelaksanaan kemudahan wad kelas pertama dan pengecualian bil perubatan penderma organ dan sel stem warganegara dan bukan warganegara;

23. Peranan Pengarah Hospital;

23.1. Memastikan pihak pengurusan hospital mengambil maklum mengenai tatacara pelaksanaan kemudahan tersebut serta penggunaan Kad Pengesahan Penderma Organ/ Sel Stem dan lain-lain surat pengesahan. Ini bagi mempermudahkan pemegang Kad Pengesahan Penderma Organ/ Sel Stem menerima kemudahan tersebut;

23.2. Memastikan Ketua-ketua Jabatan (klinikal) yang berkaitan mengambil maklum mengenai tatacara pelaksanaan kemudahan tersebut.

24. Peranan Pusat Sumber Transplan Nasional;

24.1. Memproses semua permohonan Kad Pengesahan Penderma Organ/ Sel Stem yang dikemukakan oleh pihak hospital dalam jangkamasa yang ditetapkan;

24.2. Menyimpan rekod pengeluaran Kad Pengesahan Penderma Organ/ Sel Stem serta maklumat lain yang berkaitan untuk rujukan;

24.3. Membuat pengesahan mengenai kesahihan Kad Pengesahan Penderma Organ/ Sel Stem sekiranya diminta oleh pihak Hospital;

- 24.4. Menjadi sumber rujukan orang awam atau anggota perubatan mengenai dasar serta prosedur pengeluaran Kad Pengesahan Penderma Organ/ Sel Stem.
25. Peranan Jabatan-jabatan (klinikal) yang berkaitan;
  - 25.1. Memastikan semua pegawai perubatan pakar, pegawai perubatan serta jururawat berkaitan mengambil maklum mengenai tatacara pelaksanaan kemudahan tersebut;
  - 25.2. Mengenalpasti penderma yang layak menerima kemudahan tersebut seterusnya mengemukakan borang yang berkenaan kepada Pusat Sumber Transplan Nasional untuk mengeluarkan Kad Pengesahan;

## **TARIKH KUATKUASA**

26. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa bermula dari 21 November 2012.

## **PERTANYAAN**

27. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini, sila hubungi:

### **Bahagian Perkembangan Perubatan**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E1, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya  
Pej (603) 88833888 atau (603) 88831165  
Faks (603) 88831155  
Emel [transplantation\\_unit@moh.gov.my](mailto:transplantation_unit@moh.gov.my)

**Pusat Sumber Transplan Nasional**

Hospital Kuala Lumpur

Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur

Pej (603) 26810681

Faks (603) 26810680

Talian bebas tol 1-800-88-9080

Emel ntrc@hkl.moh.gov.my